



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

ATLET NEGARA DAN GOLONGAN OKU ANTARA PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2018

Sukacita dimaklumkan bahawa **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V** telah berkenan untuk mengurniakan **Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP)** kepada **370 penerima** sempena **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018** yang berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur.

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Utama Samsudin bin Osman, Pengerusi **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja** mendahului senarai penerima yang akan dikurniakan **Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW)** membawa gelaran **Datuk Seri Utama**. Beliau merupakan mantan **Ketua Setiausaha Negara** pada **15 Disember 1998** sehingga **1 September 2006** dan juga mantan **Presiden Perbadanan Putrajaya** dari **1 Ogos 2004** sehingga **31 Julai 2012**.

Empat (4) orang atlet negara yang menyumbang pingat emas semasa temasya **Sukan SEA dan PARA ASEAN 2017** diberi pengiktirafan dengan dikurniakan pingat **Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)** iaitu **Encik Muhammad Rafiq Ismail** bagi sukan acara **Tenpin Boling**, **Cik Aaliyah Yoong Hanifah** bagi sukan acara **waterski**, **Encik Mohd Qabil Ambak** bagi sukan acara **Equestrian** dan **Encik Faridul Masri** bagi sukan acara **olahraga**.

Selain itu, dua (2) individu dari golongan orang kurang upaya (OKU) turut diberi penghargaan pada hari ini. Encik Silatul Rahim Dahman yang merupakan seorang OKU penglihatan dikurniakan pingat Kesatria Mahkota Wilayah (KMW) dan Encik Ong Shin Ruenn pula merupakan seorang OKU pendengaran menerima pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW). Kedua-dua mereka mewakili Yayasan Orang Buta Malaysia dan Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menjayakan program-program yang melibatkan golongan OKU khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Manakala **22** individu dianugerahkan **Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**. **69** individu dianugerahkan **Panglima Mahkota Wilayah (PMW)** yang membawa gelaran **Datuk**. Selebihnya, **39** individu dianugerahkan **Johan Mahkota Wilayah (JMW)**, **71** individu menerima anugerah **Kesatria Mahkota Wilayah (KMW)**, **74** individu menerima anugerah **Ahli Mahkota Wilayah (AMW)** dan **94** individu menerima **Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)**.

Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan mula diadakan pada tahun 2008 sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada mereka yang banyak menabur jasa, memberi sumbangan dan khidmat cemerlang kepada Wilayah Persekutuan baik dari segi sosial mahupun keagamaan.



DATUK SERI ADNAN BIN HJ. MD IKSHAN

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan

1 Februari 2018